

UMS bakal miliki hospital mesra alam pertama di M'sia

DE 8.4.2014 6

Larissa Lumandan

KOTA KINABALU: Hospital UMS yang diluluskan oleh Unit Perancangan Ekonomi (EPU) bakal menjadi hospital mesra alam pertama di Malaysia.

Pengarah Pusat Pengurusan Eko-

Kampus, Dr Awangku Hassanal Bahar Pengiran Bagul berkata hospital itu, yang dijangka siap dua hingga tahun dari sekarang, akan mendapatkan persijilan Indeks Bangunan Hijau (GBI) untuk tujuan itu.

Sebagai sebuah hospital hijau ia akan menggalakkan amalan menggunakan barangan pakai-buang daripada barangan yang perlu dicuci.

"Ia sememangnya akan membawa kepada pengekalan sumber," katanya, sambil mengatakan universiti itu mesti memastikan sebarang pembinaan yang dirancang adalah selaras dengan perlindungan ekologi.

Dalam perkembangan berkaitan,



Hassanal

beliau berkata pusat kitar semula dalam UMS dijangka siap Jun tahun ini.

Pembinaan itu, menurutnya, akan bermula bulan ini atau Mei tahun ini.

UMS pada awal Januari menandatangani satu memorandum persefahaman (MoU) dengan Hattareka Perunding Sdn Bhd untuk bekerjasama dalam usaha mereka untuk memulihara dan melindungi alam sekitar.

Pusat itu akan dibiayai sepenuhnya oleh syarikat itu sebagai sebahagian daripada program Tanggungjawab Sosial Korporatnya (CSR).

Hassanal berkata kebanyakan sisa, iaitu sisa kering, akan diuruskan di pusat itu dan ditukar menjadi blok tenaga.

Beliau juga berkata blok tenaga itu boleh digunakan sebagai bahan api dan dijual kepada industri.

Keuntungannya, jelasnya, akan dilaburkan dalam pembiayaan hijau mereka bagi membeli turbin solar atau angin untuk tujuan penjanaaan kuasa.

Hassanal berkata demikian semasa

Kolokium Pra-Persidangan terhadap Kelestarian Kampus Bagi Pelajar di Bangunan Canselor UMS di sini, Isnin.

Dalam ceramahnya bertajuk 'Pengenalan kepada EkoKampus', beliau mengulas rancangan lima-tahun universiti itu untuk mencapai pengiktirafan sebagai sebuah EkoKampus dengan semua kurikulum dan penyelidikannya berdasarkan ekosistem.

Menurutnya, mereka akan melaksanakan semua yang serasi dengan alam sekitar.

"Ia adalah untuk mewujudkan satu persekitaran pembelajaran lestari di universiti. Tidak banyak permintaan untuk kelestarian di sini, tidak seperti di negara Barat, justeru kita perlu mewujudkan permintaan itu di universiti ini," katanya.

Terdahulu, beliau berkata UMS adalah sebuah universiti komprehensif yang memainkan peranan berkhidmat untuk rakyat dan bukan sebuah universiti berpusat penyelidikan seperti yang lain.

"UMS ialah universiti tunggal di

Sabah dan dijangka menyumbang kepada sumber asli selain menguruskannya," tambahnya.

Universiti juga berkembang dengan pengambilan lima hingga 10 peratus pelajar, katanya, dan memerlukan tempat untuk menampung pertumbuhan itu.

Hassanal yang juga seorang sarjana pelancongan berkata beliau berharap projek pembangunan pesisir universiti itu untuk menampung pertumbuhan tersebut akan diluluskan oleh EPU.

"Ia diluluskan oleh lembaga universiti. Ia pastinya sebuah bangunan lestari dan tentu saja, diperakui oleh Indeks Bangunan Hijau. Ia akan dibekalkan kuasa daripada sumber boleh baharu termasuk tenaga solar dan turbin angin dengan pengurusan bahan sisa yang baik," katanya.

Tentang pra-persidangan itu, katanya terdapat 140 peserta dan 70 orang menghadiri kolokium itu.

"Acara itu dihadiri oleh pelajar dari Korea, Filipina, Malaysia, Bangladesh, Jepun dan Perancis serta lebih 20 pertubuhan," katanya.